

Norazmi Anas, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Zarinatun Ilyani Abdul Rahman. (2017). Penyelidikan Saintifik Dalam Kerangka *Maqasid Syariah* Dari Perspektif Pragmatik-Agama. *Ideology*, 2(2) : 2-12, 2017

Penyelidikan Saintifik Dalam Kerangka *Maqasid Syariah* Dari Perspektif Pragmatik-Agama

Norazmi Anas, Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Zarinatun Ilyani Abdul Rahman
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak
Kampus Seri Iskandar
32610 Seri Iskandar
Perak, Malaysia
Fakulti Pengajian Islam Kontemporari
Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia

norazmianas@perak.uitm.edu.my

Abstrak.

Sains merujuk ilmu pengetahuan tentang alam tabii yang memberi manfaat dalam pembangunan ketamadunan manusia sejagat seterusnya melahirkan teknologi hasil pengaplikasian ilmu sains tersebut. Penyelidikan saintifik Barat menolak sepenuhnya peranan wahyu, manakala sains Islam meletakkan sumber wahyu (al-Quran & Sunnah) sebagai sumber primer dalam penerokaan sains. Oleh itu, objektif kajian ini ialah:

1. Menghuraikan konsep *Maqasid Syariah* (MS) dan Indeks Syariah Malaysia (ISM).
2. Menjelaskan penyelidikan saintifik dalam kerangka MS dan kaitannya dengan pragmatik-agama falsafah pemikiran Ibnu Khaldun.

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya melalui analisis terhadap dokumen-dokumen seperti buku, jurnal dan tesis akademik. Kajian ini mendapati bahawa penyelidikan saintifik dalam kerangka MS menepati teori pragmatik-agama yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun yang menyatupadukan ilmu *naqli* dan *aqli* dalam kehidupan manusia sejagat. Oleh itu, penyelidikan saintifik moden khususnya di Malaysia tidak lagi bersifat sekular malahan pengintegrasian dengan ajaran Islam memberi manfaat baharu dalam korpus ilmu pengetahuan semasa selari dengan ISM.

Kata Kunci: Penyelidikan saintifik, *Maqasid Syariah* (MS), Indeks Syariah Malaysia (ISM), Pragmatik-Agama.

PENDAHULUAN

Agama dan sains tidak saling bercampur dan juga tidak saling berpisah kerana kedua-duanya mempunyai kedudukan dan perspektif masing-masing melalui pencarian makna dalam usaha menghubungkan kedua-duanya (Kurniasih, t.t) dan disokong oleh Khalijah (2014) yang mengklasifikasikan hubungan sains-agama kepada empat (4) perspektif iaitu (i) Konflik, (ii) Tidak bersandar antara satu sama lain, (iii) Keperluan dialog dan (iv) Penggabungan. Konflik berlaku apabila para saintis mengutarakan fahaman material dalam dapatan kajian menolak aspek kerohanian. Selain itu, domain dan skop kedua-duanya berbeza iaitu sains menekankan keduniaan dan objektif manakala agama bersifat kerohanian dan subjektif. Konflik dan perbezaan ini memerlukan dialog bagi menjelaskan sains dari perspektif agama dan sebaliknya. Akhirnya, penggabungan merupakan asas kajian pengkaji merujuk gabungan sains dengan agama yang disintesis dalam suatu kerangka berasaskan pengetahuan yang ada dikenali integrasi. Proses integrasi ini akan menghasilkan insan kamil (sempurna) yang bersifat taat, ideal dan seimbang dalam menafsirkan ilmu.

MAQASID SYARIAH DARI PERSPEKTIF ISLAM

Maqasid merupakan kata jamak perkataan *maqsud* atau *maqsad* merujuk kehendak, matlamat, tujuan atau objektif (Muhammad Zahirwan Halim et al., 2014) serta matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu dan ia dimaksudkan matlamat yang diletakkan oleh syara' dalam mensyariatkan hukum (Nafisiah & Huzaimah, 2012). Syariah pula bererti sesuatu yang berkaitan hukum-hukum Islam (Kamus Dewan, 2005) yang melibatkan perundangan bertujuan untuk mengatur kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara melibatkan hukum berkaitan munakahat, muamalat, jenayah dan sebagainya (Mohd. Kamal, 2008). Selain itu, skop syariah merangkumi tiga (3) kategori iaitu hubungan manusia dengan Allah dan alam ghaib, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan makhluk-makhluk lain di bumi.

Secara umumnya, *maqasid syariah* bermaksud tujuan, natijah atau maksud yang dikehendaki oleh syarak melalui sumber dalilnya menerusi al-Quran dan al-Sunnah (Rosli & Mohd Fikri, 2007), manakala Muhammad Zahir Halim et al. (2014) mentakrifkan istilah tersebut sebagai sesuatu makna, hikmah dan seumpamanya yang diraikan oleh Pencipta syariat dan dikehendakinya dalam mensyariatkan sesuatu hukum yang umum atau khusus bertujuan merealisasikan kebajikan hamba. Ia terbahagi kepada 3 bahagian iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniiyyat* (Wan Mohd Nasir, 2011). *Dharuriyyat* merujuk keperluan asasi (Syed Mohd. Ghazali Wafa et al., 2009) meliputi *maqasid* syariah yang disebutkan di atas, manakala *hajiyyat* pula keperluan terhadap selain daripada keperluan asas bertujuan untuk meningkatkan kecekapan manusia dalam mencari rezeki (Maliki & Zuraidah, 2009), manakala Ab. Latif (2003) pula menyatakan bahawa *hajiyyat* dapat memenuhi keperluan kelapangan seterusnya melepaskan diri dari belenggu kesempitan melibatkan ibadat, adat, muamalat dan jenayah. *Tahsiniiyyat* merujuk tahap kemewahan yang diberikan Allah SWT menyebabkan perolehan keperluan asasi dengan melimpah ruah.

Beberapa tujuan syariah Islam antaranya menegakkan keadilan, mengatur kehidupan manusia, mendidik individu, membawa tujuan dan matlamat berbentuk kemasyarakatan, merealisasikan akhlak yang benar dan menetapkan peraturan dan keadilan untuk menjaga kesejahteraan manusia (Ab. Latif, 2003), manakala Siti Zalikha et al. (2001) lebih terarah kepada lima prinsip utama iaitu:

- Memelihara kesucian dan kepercayaan beragama.
- Menjamin keselamatan nyawa dan anggota tubuh badan manusia.
- Menjamin kemurnian fikiran dan kewarasan akal.
- Menjamin kehormatan dan maruah diri.
- Menjamin usaha pemilikan dan penguasaan harta.

INDEKS SYARIAH MALAYSIA (ISM): POLISI UTAMA KERAJAAN MALAYSIA

Indeks Syariah Malaysia (ISM) merupakan satu model tadbir urus berteraskan *maqasid syariah* yang diilhamkan oleh YAB Dato' Sri Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak pada tahun 2014 dan telah dilancarkan pada 10 Februari 2015 sempena Majlis Perdana Ulama'-Umara' 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Panel Jawatankuasa Tadbir Urus (JKTU) ISM dipengerusikan oleh Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin (Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan), Prof. Datuk Seri Dr. Zaleha Kamaruddin, Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebagai Timbalan Pengerusi I, Datuk Aidit Ghazali, Pengasas Akademi Aidit sebagai Timbalan Pengerusi II, Datuk Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM sebagai Naib Pengerusi I, Datuk Jailani Ngah, Setiausaha Politik Perdana Menteri sebagai Naib Pengerusi II dan dibantu oleh empat Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada (i) Tan Sri Shukry Md. Salleh, Ketua Pengarah Unit Peyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri sebagai Panel Pakar & Polisi, (ii) Prof. Dr. Abd. Samad Musa, Dekan Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai Panel Pakar Syariah, (iii) Prof. Dr. Mohamad Said Zainol, Mantan Pensyarah Fakulti Sains Komputer & Matematik (FSKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai Panel Pakar Indeks dan (iv) Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki, Yang Di-Pertua (YDP), Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM) sebagai Panel Pakar Ekonomi Islam (Utusan Malaysia, 2015a). Selain itu, penyelidikan ISM juga melibatkan lima (5) buah Universiti Awam (JAKIM, t.ta) mengikut bidang iaitu:

- Perundangan Islam: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Politik: Universiti Utara Malaysia (UUM)
- Budaya, Sosial dan Prasarana & Persekitaran: Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Ekonomi dan Kesihatan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Dapatan awal penyelidikan ISM telah dibentangkan kepada masyarakat umum pada 28 Mac 2016 oleh YAB Dato' Sri Najib Bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dengan skor keseluruhan ISM bagi tahun 2015 ialah 75.42% (Ahmad Nazri, 2016; Bernama, 2016) berdasarkan lapan (8) bidang utama: Perundangan Islam (87.19%), Pendidikan (82.5%), Politik (79.19%), Kesihatan (73.92%), Sosial (68.52%), Budaya (66.47%), Ekonomi (65.27%) dan Prasarana & Persekitaran (62.31%).

ISM berpandukan kepada kajian-kajian awal yang dilakukan oleh Dar (2004), Anto (2009), Rasha Ellass (2009), Rehman & Askari (2010) dan Amir Husin et al. (2012). Terdapat tiga (3) prinsip utama dalam melaksanakan undang-undang Islam dalam pentadbiran negara Islam iaitu (i) Membawa pengurusan negara selari

dengan kehendak Islam, (ii) Memastikan kepentingan manusia diberi keutamaan sepanjang masa dan (iii) Membentuk Islam dalam sistem pentadbiran negara (Amir Husin et al., 2012). Terdapat lima (5) indeks berteraskan *Maqasid Syariah* (MS) telah dibangunkan seperti Indeks Pembangunan Manusia (*Ethics-arguemented Human Development Index, E-HDI*), Indeks Pembangunan Manusia berteraskan Islam (*Islamic Human Development Index, I-HDI*), Projek Indeks Syariah (*Index Shari'ah Project*), Indeks *Islamicity* dan Indeks Pembangunan Ummah (Dar, 2004; Anto, 2009; Rasha Ellass, 2009; Rehman & Askari, 2010; Fadilah, 2014).

Bagi membangunkan sesuatu indeks berteraskan MS, terdapat beberapa peringkat perlaksanaan yang perlu dilalui (Rasha Ellass, 2009) iaitu:

- i. Peringkat I: Mengkaji tafsiran berkaitan negara Islam dari perspektif pakar-pakar Sunni dan Syiah.
- ii. Peringkat II: Pembangunan kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mengukur tahap pematuhan syariah (penetapan indeks) dalam negara Islam oleh pakar.
- iii. Peringkat III: Analisis, cadangan & dapatan kajian (pencapaian markah sesebuah negara dalam pematuhan syariah).

Dalam konteks negara Malaysia, pembangunan ISM melibatkan tiga (3) utama iaitu pemerintah sebagai pembuat dasar, agensi-agensi sebagai pelaksana dasar dan individu & masyarakat sebagai penerima manfaat (JAKIM, t.tb) berdasarkan empat (4) teras utama iaitu (i) Memaju, menyubur dan memperkasakan Islam sebagai Agama Persekutuan, (ii) Mewujudkan sebuah indikator komprehensif dan saintifik bagi menilai komitmen serta tahap keseriusan usaha dan bukannya semata-mata tahap pencapaian dalam menterjemahkan komposisi prinsip dan nilai Islam, (iii) Menggubal indeks untuk mengukur tahap keseriusan dalam mengimarahkan prinsip, nilai dan sistem Islam berdasarkan MS dengan mencakupi komposisi sektoral yang komprehensif dan (iv) Membentuk Malaysia sebagai model sebuah negara Islam yang membangun dan progresif dengan bertunjangkan prinsip MS (Zamri et al., 2016).

Selain itu, dua (2) kaedah pembinaan ISM diaplikasi melalui Penandaarasan dan Amalan Terbaik (JAKIM, 2015). Kaedah Penandaarasan digunakan sebagai piawaian terbaik yang bersifat ideal dalam menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara Malaysia, manakala Kaedah Amalan terbaik pula memperlihatkan realiti terbaik dalam memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi & berinovatif (nilai-nilai positif dalam pentadbiran). Kedua-dua kaedah ini dilihat mampu mencapai sasaran ISM yang telah ditetapkan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai perintis pentadbiran patuh syariah dan negara Islam (Muhammad Umar, 2008) selari dengan amalan Rasulullah SAW. Seterusnya, bagi meningkatkan lagi aspirasi kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan ISM di Malaysia, Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Pelan Pelaksanaan ISM 2016-2018 pada 19 Disember 2016 di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya bagi penambahbaikan pentadbiran negara Malaysia dari semasa ke semasa, diurus dengan baik dan selari dengan kehendak ajaran Islam (JAKIM, 2016b).

PENYELIDIKAN SAINTIFIK DALAM KERANGKA *MAQASID SYARIAH*

Mahadzirah (2007) & Mahadzirah et al. (t.t & 2014) telah menggunakan lima elemen *maqasid syariah* (agama, nyawa, akal, keturunan & harta) sebagai konstruk dalam penyelidikan berkaitan model kualiti kehidupan (I-QoL) terhadap pesalah dadah melalui pemulihan kerohanian / akhlak di beberapa buah pusat pemulihan dadah sekitar Terengganu, manakala Musa (2011 & 2013) pula menjelaskan hubungan tiga elemen *maqasid syariah* (nyawa, akal & keturunan) dengan penyelidikan genetik manusia, teknologi pembiakan (penglonan) dan penghasilan vaksin menggunakan rotavirus terhadap kanak-kanak yang mengalami ciri-birit serta penyakit paru-paru. Selain itu, Shaikh Mohd. Saifuddeen et al. (2014) pula membincangkan *maqasid syariah* sebagai pelengkap bioetika konvensional dalam penyelesaian isu-isu etika yang menjadi garis panduan keharusan dan penerimaan aplikasi bioteknologi moden.

Seterusnya, Ahmad Syukran et al. (2015 & 2016) membahaskan peranan bidang forensik biologi untuk merealisasikan *maqasid syariah* itu sendiri melibatkan unsur keadilan untuk mensabitkan kesalahan jenayah melalui bukti cap jari, gigi, analisis DNA, serologi dan sebagainya. Mohd Salim & Siti Nurani (2015) pula menilai isu bioperubatan melibatkan *Sex Assignment Surgery* (SAS) kepada bayi yang mengalami *Disorders of Sex Development* (DSD) dalam medium *maqasid syariah*, manakala Puteri Nemie & Fadhlina (2015) pula membahaskan isu *medical decision making* dalam perubatan yang lebih menekankan aspek agama dalam penentuan keputusan *end-of-life decision*. Nur Hidayah et al. (2015) pula membahaskan aspek pembangunan mapan (*sustainable development*) melibatkan isu alam sekitar dan teknologi hijau dalam acuan Islam berteraskan *maqasid syariah*, manakala Azizan et al. (2016) membincangkan *maqasid shariah* dari sudut isu-isu dalam neurosains seperti pengimejan otak melibatkan peranan agama dalam sains dan teknologi perubatan. Ini menunjukkan bahawa *maqasid syariah* merupakan elemen asas yang menghubungkan antara agama dengan sains dan teknologi seterusnya menjadi sempadan dan necara pertimbangan serta panduan bagi mengelakkan berlakunya kerosakan, kemusnahan dan penyelewengan dalam kehidupan manusia sejagat.

PRAGMATIK-AGAMA: FALSAFAH PEMIKIRAN IBNU KHALDUN

Pragmatisme ditakrifkan sebagai pendekatan praktikal berkaitan sesuatu masalah dan perihal berkaitannya (www.merriam-webster.com), kepercayaan bahawa kebenaran atau nilai sesuatu teori, ajaran dan doktrin bergantung kepada penggunaannya secara praktik atau kaedah menangani sesuatu isu secara praktikal (Kamus Dewan, 2015). Teori ini dikaitkan dengan beberapa tokoh falsafah Charles S. Peirce (1839-1914), William James (1842-1910), John Dewey (1859-1952) dan Richard Rorty (1931-2007) yang menilai kebenaran berdasarkan sikap, metod dan falsafah tentang pemikiran dan kepercayaan secara praktikal (Wakkary, 2009; Dardiri & Hum, 2012; Maiaweng, 2013; Pangga, 2014; Nuswantoro, 2015). Menurut Dewey (1916), Abdullah (2004), Mustaqim (2012) dan Nuswantoro (2015), Charles S. Peirce merupakan perintis terhadap teori pragmatisme bermula dengan pemikiran teori alamat (*signs & symbols*), kemudian teori erti (*Theory of Meaning*) dan seterusnya teori kebenaran (*Theory of Truth*) manakala Pangga (2014) pula mengkaji pemikiran pragmatisme William James terhadap agama yang membawa kepada kebenaran iaitu agama mendatangkan manfaat sebagai pengalaman yang dapat membantu menyelesaikan masalah manusia. Kebenaran dilihat


sebagai neraca (judgement) terhadap ilmu pengetahuan yang diperoleh yang memberi fakta dan nilai kepada manusia.

Seterusnya, Wakkary (2009) pula mengaitkan teori pragmatisme dengan *Dewey's pragmatism* yang mampu melahirkan keintelektualan ilmu pengetahuan melalui amalan, pengalaman dan hubungan manusia yang menyumbang kepada pengetahuan tentang alam sekitar (Schinz, 1908; Buermeyer, 1920; Kelemen & Vo, 2014), manakala Dardiri & Hum (2012) pula membincangkan implikasi pragmatisme ahli falsafah Richard Rorty tentang epistemologi bidang pendidikan yang berkaitan etika dan epistemologi yang menghasilkan teori utilitarianisme (manfaat yang terhasil dari tindakan manusia) dan teori kebenaran pragmatis (kebenaran lahir dari praktikal yang bermanfaat). Oleh itu, keempat-empat pemikiran ahli falsafah pragmatisme ini (Charles S. Peirce, Wiliam James, John Dewey & Richard Rorty) bertujuan melihat hubungan antara sains dan falsafah melalui pencarian maknanya dalam kehidupan seterusnya mencapai kemutlakan dan kebenaran.

Asas utama teori ini adalah penyelesaian masalah manusia melalui pengalaman yang dikemukakan oleh John Dewey melalui konsep kepercayaan dan tindakan sebagai suatu kitaran (Lasandang, 2011; Morgan, 2014). Pengalaman memberi makna kepada kepercayaan dan diterjemahkan melalui tindakan sebagai penghubung keduanya (pengalaman-kepercayaan) yang dikenali sebagai kebiasaan (*habit*). Selain itu, konsep pertanyaan (*concept of inquiry*) merupakan pengalaman yang menyebabkan masalah diuji seterusnya diselesaikan melalui tindakan. Rajah 1 di bawah merupakan model pertanyaan John Dewey melibatkan 5 peringkat iaitu:

- i. Mengenali masalah
- ii. Mempertimbangkan sifat masalah tersebut
- iii. Mencadangkan langkah penyelesaian
- iv. Mempertimbangkan kesan yang mungkin timbul dari langkah penyelesaian
- v. Mengambil tindakan sewajarnya

Oleh itu, teori ini menghubungkan kepercayaan dan tindakan sebagai satu proses pertanyaan menjurus pencarian ilmu pengetahuan melalui penyelidikan. Seterusnya, Creswell (2013) menyatakan bahawa pragmatisme merupakan salah satu teori yang melibatkan akibat tindakan, berpusatkan masalah, pluralistik dan berorientasikan dunia nyata (Creswell, 2003), sementara Asyiah (2013) menekankan tiga aspek utama teori Pragmatisme iaitu realiti, kebenaran dan nilai.



Rajah 1: Model *Inquiry* oleh John Dewey (Morgan, 2014)

Walaupun teori Pragmatisme bersifat sekular, ianya masih boleh diintegrasikan dengan ajaran Islam (Ahmatnizar, 2015). Kebenaran hakiki / mutlak dalam Islam ialah Allah SWT (sumber kebenaran), manakala manusia sebagai pencari kebenaran (Nurdin, 2014; Atabik, 2015; Budi, 2016). Firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud: “*Kebenaran itu dari Tuhanmu maka janganlah sekali-kali engkau (Muhammad) termasuk dalam kalangan orang-orang yang rugi?*” (al-Baqarah, 2: 147). Ia membuktikan bahawa manusia tanpa metafizik hanya bersifat sementara, tidak sempurna dan bermasalah kerana kelemahan manusia itu sendiri seterusnya menjadikan pengalaman sebagai asas yang mampu menyelesaikan masalah semasa bagi memperbaiki kehidupan (Wakkary, 2009; Dardiri & Hum, 2012; Pangga, 2014). Konsep ijtihad dalam Islam masih diperlukan khususnya umat Islam bagi melakukan tindakan yang terbaik dalam kehidupan sehariannya berlandaskan wahyu Allah SWT serta keperluan kemaslahatan itu manusia sendiri (Ahmatnizar, 2015). Aliran pemikiran semasa melibatkan fekah dan tasawuf mempengaruhi kehidupan umat Islam hasil sumbangan keilmuan Imam al-Ghazali dan Ibnu Khaldun yang dikenali sebagai pragmatik-agama (Asyiah, 2013). Selain itu, sesuatu itu dikatakan benar / betul jika ia mendatangkan manfaat kepada manusia, maka untuk mendapatkan kebenaran itu memerlukan ilmu pengetahuan bagi mencapai kebenaran hakiki / mutlak (Harefa, 2016).

Akbar (2015) pula membandingkan pemikiran di antara Ibnu Khaldun (keagamaan) dengan John Dewey (sekularisme) dalam aspek pendidikan. Ibnu Khaldun telah membahagikan ilmu pengetahuan kepada 2 jenis iaitu ilmu wahyu (*naqli*) dan ilmu logik (*aqli*) yang dilihat sebagai pragmatik-agama seperti pendapat Asyiah (2013), maka tujuan ilmu pengetahuan ialah mencari kebenaran hakiki (ilmu agama) dan kemasyarakatan (ilmu duniawi). Ianya selari dengan Kurniasih (t.t) yang menyatakan bahawa agama berasal dari Tuhan melalui wahyu, manakala sains (ilmu) terhasil dari observasi dan pemikiran manusia. Oleh itu, ilmu pengetahuan / pendidikan merupakan keperluan asas manusia dalam membina peradaban dan ketamadunan manusia seperti yang dinyatakan dalam kitab *al-Muqaddimah* (Akbar, 2015; Mohd. Zahirwan Halim et al., 2017) karya agung Ibnu Khaldun.

KESIMPULAN

Maqasid Syariah dijadikan indikator dalam penilaian dan pengukuran penyelidikan saintifik patuh syariah yang menggabungkan sumber *naqli* dan *aqli* bagi melahirkan dapatan kajian selari wahyu. Selain itu, teori pragmatik-agama yang dikemukakan Ibnu Khaldun dilihat sebagai asas penyelidikan saintifik berteraskan Islam supaya pengintegrasian elemen *duniawi* dan *ukhrawi* mampu menyelesaikan masalah manusia di dunia disamping mendapat redha Allah SWT di akhirat kelak.

RUJUKAN

- Ab. Latif, M. (2003). *Pengantar syariah dan teori fiqh*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Abdullah, M. N. (2004). *Pragmatisme: Sebuah Tinjauan Sejarah Intelektual Amerika*.
- Ahmad Nazri, Y. (2016). Skor Keseluruhan Indeks Syariah Malaysia Tahun 2015 sebanyak 75.42 peratus. Diambil dari <http://ikimfm.my/skor-keseluruhan-indeks-syariah-malaysia-tahun-2015-sebanyak-75-42-peratus/> pada 15/04/2017.
- Ahmad Syukran, B., Aminuddin, R. & Abdul Rahim, Y. (2015). The Role of Forensic Biology in Realising Maqāsid al-Shariah (The Objectives of Islamic Law). *Sains Humanika*, 4(1): 9-15.
- Ahmad Syukran, B., Mohammad Amir, W. H., Aminuddin, R. & Abdul Rahim, Y. (2016). Law of Individuality and Locard's Principle from Islamic Perspective, *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 7(1): 239-247, DOI: 10.5901/mjss.2016.v7n1p239.
- Ahmatnijar, A. (2015). Pragmatisme Hukum Islam. *el-QANUNY: Jurnal Ilmu-ilmu Kesyarifan dan Pranata Sosial*, 1(1), 1-16.
- Akbar, T. S. (2015). MANUSIA DAN PENDIDIKAN MENURUT PEMIKIRAN IBN KHALDUN DAN JOHN DEWEY. *Jurnal Ilmiah Didaktika*, 15(2), 222-243.
- Amir Husin, M. N., Muhammad Nazir, A., Adib, S., Anwar, F. O., Ibnor, A. I., Hayatullah, L., Abdel Wadoud Moustafa, M. E., Ahmad, M. H. & Norhoneydayatie, A. M. (2012). Application of the principles of Maqasid Shari'ah in administration of the Islamic countries. *Advances in Natural and Applied Sciences*, 6(6): 847-852.
- Anto, M. H. (2010). Introducing an Islamic Human Development Index (I-HDI) to Measure Development in OIC Countries. *Islamic Economic Studies*, 19(2): 69-95.
- Asyiah, N. (2013). IDEOLOGI DALAM PENDIDIKAN ISLAM. *ISLAMIKA*, 13(2).
- Atabik, A. (2015). TEORI KEBENARAN PERSPEKTIF FILSAFAT ILMU: Sebuah Kerangka Untuk Memahami Konstruksi Pengetahuan Agama. *FIKRAH: JURNAL ILMU AQIDAH DAN STUDI KEAGAMAAN*, 2(2).
- Azizan, B., Mohd Noor, M. & Shaikh Mohd Saifuddeen, S. M. S. (2016). A Preliminary Insight into an Islamic Mechanism for Neuroethics, *Malaysia Journal Medical Sciences*, 23(1): 1-3.
- Bernama (2016). Skor Keseluruhan Indeks Syariah Malaysia 2015 Adalah 75.42 Peratus - Najib. Diambil dari <http://www.bernama.com/bernama/v8/bm/fe/newsfeatures.php?id=1229378> pada 15/04/2017.
- Budi, S. S. (2016). EPISTEMOLOGI PERSPEKTIF ISLAM DAN BARAT. *Tasamuh*, 7(2).

- Buermeyer, L. (1920). Professor Dewey's Analysis of Thought. *The Journal of Philosophy, Psychology and Scientific Methods*, 17(25), 673-681.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, 2nd Edition. Thousand Oaks: Sage Publications.
- Creswell, J. W. (2013). "Steps in Conducting a Scholarly Mixed Methods Study" (2013). *DBER Speaker Series*. Paper 48.
- Dar, H. A. (2004). On making human development more humane. *International Journal of Social Economics*, 31(11/12): 1071-1088.
- Dardiri, A., & Hum, M. (2012). Implikasi Pandangan Filsafat Pragmatisme Richard Rorty Tentang Epistemologi Dalam Bidang Pendidikan. --.
- Dewey, J. (1916). The pragmatism of Peirce. *The Journal of Philosophy, Psychology and Scientific Methods*, 13(26), 709-715.
- Fadilah, M. N. (2014). Pelaksanaan Indeks Pembangunan Ummah (MUDI): Keperluan Dalam Konteks Maqasid Syariah. Prosiding International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (pp. 135-141). Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Harefa, B. (2016). KEBENARAN HUKUM PERSPEKTIF FILSAFAT HUKUM. *Jurnal Komunikasi Hukum*, 2(1).
- JAKIM (2015). Indeks Syariah Malaysia: Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- JAKIM (2016b). Pelancaran Pelan Pelaksanaan Indeks Syariah Malaysia 2016-2018. Diambil dari <http://www.islam.gov.my/berita-semasa/71-unit-indeks-syariah-malaysia/827-pelancaran-pelan-pelaksanaan-indeks-syariah-malaysia-2016-2018> pada 15/04/2017.
- JAKIM (t.t). Metodologi dan Prosedur Penyelidikan Indeks Syariah Malaysia. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Kelemen, M. L., & Vo, L. C. (2014). *The Oxford Handbook of Process Philosophy and Organization Studies*. London: Oxford University Press.
- Khalijah, M. S. (2014). Sains Tauhidik & Implikasi terhadap Pendidikan. In Khalijah, M. S., Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid (pp. 67-98). Bangi: Penerbit UKM.
- Kurniasih, A. (t.t). HUBUNGAN SAINS DAN AGAMA.
- Lasandang, S. (2011). FILSAFAT PRAGMATISME JHON DEWEY DALAM PENDIDIKAN. *PEDAGOGIKA Jurnal Ilmu Pendidikan*, 1(3).
- Mahadzirah, M., (2007). Modeling Coastal Zone Community Quality of Life and Health Status. *The International Journal of Social Sciences*, 2(6): 39-48.
- Mahadzirah, M., Azman, M. A., Nasir, M., Wan Mohd Yusof, W. C., Norhilm, M., & Fazida, K.(2014). *Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Syariah*, Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin Publisher.
- Mahadzirah, M., Nor Azman, M. A., Harmy, M. Y. & Nizaita, O. (t.t). Validating the Measurement of Maqasid Syariah Quality of Life (I-QoL) Model among Spiritual Rehabilitation Drug Abusers.
- Maiaweng, P. C. (2013). Manfaat Kebenaran Perbuatan: Suatu Analisis Terhadap Ajaran Filsafat Pragmatisme. *Jurnal Jaffray*, 11(1).
- Maliki, M. & Zuraidah, M. (2009). *Perniagaan Islam: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Koperasi Kolej YPM KL Bhd.
- Mohd Salim, M. & Siti Nurani, M. N. (2015). Islamic Bioethical Deliberation on the Issue of Newborns with Disorders of Sex Development. *Science Engineering Ethics*, 21:429-440, DOI: 10.1007/s11948-014-9534-z
- Mohd Zahirwan Halim, Z. A., Pisol, M., Muhammad Yusri, Y, Paiz, H., Hamdi Rahman, M. Y., Abd Munir, M. N. & Muhammad Imran, A. R. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun Berkaitan Kaedah Pendidikan Dalam Kitab Al-Muqaddimah. *Ideology*, 2(1): 26-35.

- Mohd. Kamal, O. (2015). Hubungan Indeks Syariah dengan Pembolehubah Makroekonomi sebagai Indikator Pasaran Modal Islam (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
- Morgan, D. L. (2014). Pragmatism as a Paradigm for Social Research. *Qualitative Inquiry*, 20(8): 1045–1053. Doi: 10.1177/1077800413513733.
- Muhammad Umar, C. (2008). *The Islamic Vision of Development in the Light of the Maqasid al-Syari'ah, Jeddah, Kingdom of Saudi Arabia*. Islamic Research and Training Institute (IRTI).
- Muhammad Zahirwan Halim, Z. A., Paiz, H., Muhammad Yusri, Y., Hamdi Rahman, M. Y., Juriah, M. A., Mazlah, Y. & Nurul Kahiriah, K. (2014). *Pengantar Pengajian Islam*. Cheras: ARAH PENDIDIKAN.
- Musa, M. N. (2011). Human genetic and reproductive technologies –an international medico-legal-religious impasse?. *Bangladesh Journal of Medical Science*, 10(1): 1-10.
- Musa, M. N. (2013). The Permissibility of Rotavirus Vaccines - A Personal Perspective. *Bangladesh Journal of Medical Science*, 12(4): 344-345.
- Mustaqim, M. (2012). Pragmatisme dalam Filsafat Kontemporer: Analisa atas pemikiran Charles S. Peirce. *Al-Mabsut: Jurnal Studi Islam dan Sosial*, 3(1), 70-91.
- Nafisiah, A. R. & Huzaimah, I. (2012). *Tasawwur Islam*. Selangor: Illi Publication.
- Nur Hidayah, A. J., Zul, I., Shaikh Mohd Saifuddeen, S. M. S. & Noor Naemah, A. R. (2015). Green Energy towards Sustainability from the Islamic Perspective. *International Journal of Sustainable Future for Human Security* 3(2): 31–34.
- Nurdin, F. (2014). KEBENARAN MENURUT PRAGMATISME DAN TANGGAPANNYA TERHADAP ISLAM. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 13(2), 184-200.
- Nuswantoro, U. D. (2015). FILSAFAT PRAGMATISME.
- Pangga, A. D. (2014). Kajian kritis atas pragmatisme William James tentang agama (Doctoral dissertation, Widya Mandala Catholic University Surabaya).
- Puteri Nemie, J. K. & Fadhlina, A. (2015). Religious, Ethical and Legal Considerations in End-of-Life Issues: Fundamental Requisites for Medical Decision Making. *Journal of Religion and Health* 55:119–134, DOI: 10.1007/s10943-014-9995-z
- Rasha Ellass (2009). Shariah Index will rate countries' Islamic law. The National UAE. Diambil dari <http://www.thenational.ae/news/uae-news/shariah-index-will-rate-countries-islamic-law> pada 15/04/2017.
- Rehman, S. S., & Askari, H. (2010). How Islamic are Islamic Countries?. *Global Economy Journal*, 10(2): 1-37.
- Rosli, M. & Mohd. Fikri, C. H. (2007). *Maqasid al-Syariah: Hikmah Di Sebalik Pensyariatan*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Schinz, A. (1908). Professor Dewey's pragmatism. *The Journal of Philosophy, Psychology and Scientific Methods*, 5(23), 617-628.
- Shaikh Mohd Saifuddeen, S. M. S., Noor Naemah, A. R., Noor Munirah, I. & Azizan, B. (2014). Maqasid al-Shariah as a Complementary Framework to Conventional Bioethics. *Science Engineering Ethics*, 20:317–327, DOI: 10.1007/s11948-013-9457-0.
- Siti Zalikhah, M. N. et al. (2001). *Al-Syariah: konsep dan perundangan Islam Jilid 1*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mohd. Ghazali Wafa, S. A. W., Muhammad Nasri, M. H. & Mohd. Hizam, H. (2009). *Pengantar Perniagaan Islam*. Selangor: Prentice Hall, Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Utusan Malaysia (2015a). Indeks Syariah Malaysia diambil dari <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/7706> pada 14 April 2017.

- Wakkary, R. L. (2009). *Experiencing interaction design: a pragmatic theory*.
- Wan Mohd Nasir, W. A. W. (2011). *Maqasid Syariah: Cabaran dan penyelesaian dalam merealisasikannya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zamri, Z. A., Rosli, M. & Fakhri, S. (2016). *Maqasid As-Syariah Dalam Indeks Syariah Malaysia*. Prosiding Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016. Kajang: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- _____ (2005). *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ (2015). *Kamus Dewan, Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.